

Su. Polih

Minister of Education
Kuala Lumpur

Terima Kasih 7 DEC 1972

NASIHAT MENTERI PELAJARAN KEPADA
MAHASISWA-MAHASISWA

Ucapan Y.B. Datuk Hussein Onn, Menteri Pelajaran di Majlis Makan Malam anjuran Persatuan Mahasiswa-mahasiswa Universiti Malaya di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 2hb. Disember 1972, pukul 7.30 malam:

Seseorang Menteri Pelajaran biasanya tidak diterima dengan baik dan mesra oleh pelajara-pelajar universiti. Ia biasanya disambut dengan sorakan, ejekan dan dilimpar dengan benda-benda dan lain-lain perbuatan yang tidak patut dibuat. Kesemuanya ini pada anggapan saya ialah tuah badan seseorang Menteri itu. Pada petang ini adalah berlainan sedikit; saya bukan hanya dihormati dengan jemputan menghadiri majlis makan malam ini oleh pelajar-pelajar universiti malahan juga saya berasa takjub di atas sambutan yang mesra yang diberikan oleh mereka. Ini mungkin sementara sahaja dan akan bertukar agaknya selepas saya tamat membuat ucapan saya. Sungguhpun demikian saya suka mengucapkan terimakasih kepada Persatuan Mahasiswa-mahasiswa Universiti di atas jemputan mereka kepada isteri saya dan saya sendiri menghadiri majlis makan malam ini walau apa pun jua reaksi ahli-ahlinya disebabkan ucapan saya ini.

Membuat ucapan ialah satu lagi tuah badan seseorang Menteri itu. Adalah dikatakan bahawa dia dibayar gaji (tidaklah begitu banyak) untuk membuat ucapan-ucapan. Dia bolehlah disifatkan sebagai sebuah orkestra yang bukan hanya mesti dilihat tetapi yang lebih mustahak didengari. Sebagai sebuah orkestra dia dijangka memainkan hanya lagu-lagu yang popular, dan dia akan dicerca sekiranya ia memainkan lagu-lagu yang tidak popular atau membunyikan note yang sumbang.

Seseorang Menteri itu akan gagal menjalankan kewajibannya terhadap negara dan mengkhianati amanah yang diletakkan oleh rakyat kepadanya jika dia tidak mengambil tindakan yang tegas apabila diperlukan, atau memberi ingatan atau mengkritik terhadap tindakan dan kelakuan yang mana pada pendapatnya, tidak sejajar dengan kepentingan negara. Dalam hal ini saya lebih suka menjadi seorang tokoh yang tidak popular dalam politik daripada gagal menyempurnakan kewajipan saya terhadap negara saya.

Saya ingin menyentuh secara am berkenaan dengan perkembangan pelajaran tinggi negara kita. Keputusan-keputusan asas untuk menubuhkan yayasan-yayasan pelajaran tinggi dan menambah bilangan komasukan penuntut-penuntut sudah diambil dan kebanyakan daripada kemudahan-kemudahan fizikal untuk menghadapi perkembangan-perkembangan ini telah pun diambil atau dirancangkan. Kita akan menjalankan segala usaha dan tenaga dan membelanjakan seberapa banyak wang yang boleh untuk memberikan pelajaran yang sebaik-baiknya kepada rakyat negara ini. Semenjak tahun 1969, kita telah menubuhkan 4 buah lagi Universiti. Dengan adanya perkembangan serta mutu pelajaran menengah kita yang bertambah baik maka bilangan pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk pelajaran tinggi akan bertambah lagi. Tempat-tempat akan terpaksa diadakan untuk mereka dan sudah tentulah, pada masa yang akan datang universiti-universiti yang ada terpaksa diperluaskan lagi dan universiti-universiti baru ditubuhkan. Masaalah ini akan dikaji oleh Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi kelak.

(tambahan)

Saya suka mengentah mengentah...
pelajar-pelajar universiti. Seorang yang terkemuka pernah berkata bahawa pelajaran universiti janganlah disifatkan sebagai sesuatu yang berakhir malahan ianya merupakan satu kunci untuk membuka lebih banyak lagi pintu pendapatan dan ilmu pengetahuan. Di universitilah pelajar-pelajar seterusnya memperbaiki sifat dan nilai daya pimpinan. Kampus universiti patutlah digunakan sebagai gelanggang untuk memajukan lagi usaha negara membena satu bangsa Malaysia yang bersatupadu dan mewujudkan identiti kebangsaan. Adalah mendukacitakan dan akan merusakan negara kita sekiranya kampus universiti itu disalahgunakan untuk membiak serta mengekalkan polarisasi dikalangan pelajar-pelajar.

Mungkin ada sesetengah pelajar universiti tidak sedar bahawa tindakan tindakan serta kelakuan mereka adalah diperhatikan dengan teliti oleh orang ramai termasuk ibubapa mereka sendiri. Tindakan-tindakan dan kelakuan mereka yang berlainan sekali daripada corak kehidupan kita dan tidak manis serta menyinggung perasaan orang ramai adalah dikeji. Mereka itu tidaklah boleh dikatakan memberi keuntungan kepada yayasan di mana mereka berada; mereka itu menjatuhkan nama baik yayasan itu. Oleh yang demikian, tidaklah patut pihak berkenaan universiti itu mengambil langkah langkah untuk memperketatkan lagi disiplin? Sudah tentu perkara ini tidak popular. Bukankah langkah saupama ini patut sangat diambil demi menjamin kepentingan-kepentingan universiti itu sendiri bagi masa-masa yang akan datang.

Sebelum saya sudahi, saya ingin menyampaikan sepatah dua kata yang timbul dari hati saya yang ikhlas. Ada pelbagai kualiti yang membentuk seseorang manusia itu dan mengesuaikannya untuk pekerjaan dalam kehidupan yang patut dilakukannya. Tetapi ada satu kualiti yang penting, tanpa kualiti ini seseorang itu bukannya seorang manusia, tanpanya juga kehidupan yang sempurna tidak akan diperolehi, tanpa kualiti ini tidak ada kejayaan cemerlang yang dapat dicapai -- kualiti ini ialah kebenaran, kebenaran dari hati sanubari seseorang itu. Cuba perhatikan kesemua orang-orang yang telah betul-betul mashor dan baik? Oleh sebab mereka tulus ikhlas terhadap diri mereka sendiri, mereka berani mempertahankan kebenaran diri mereka.

Belajarliah dahulu menurut perentah, kemudian barulah tahu memberi perentah. Kawallah diri kamu, rohani dan jasmani, dan seseorang pelajar yang tidak mempunyai disiplin tidak boleh menjadi seorang peninpin yang baik. Kita lazimnya mencampur-adukkan erosi dengan tindakan dan kesabaran dengan kelalaian. Ini ialah suatu kesilapan. Kesabaran berkehendakkan keteguhan hati, sedangkan erosi ialah suatu tanda kelenahan dan berkehendakkan kawalan diri sendiri. Erosi menimbulkan kelemahan, manakala kebiasaan menanbah keteguhan seseorang itu. Erosi menyesatkan seseorang itu. Kita tahu bahawa orang-orang muda selalunya tidak sabar, tetapi janganlah pula mereka itu terlampau tidak sabar hendak memberi kepada orang tua pengalaman mereka yang kurang itu.

KUALA LUMPUR,
2hb. Disember, 1972.

(dikeluarkan pada pukul 6.00 petang)

MK.



No. Siri 138
No Penerimaan 138 / 80